

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 Oktober 2016**

**SOALAN**

Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah ibu tidak berkahwin (unwed mothers) mengikut pecahan kaum, negeri, umur dan kurungan pendapatan.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN : YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Bermula Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menakrifkan golongan ibu tunggal kepada tiga (3) definisi/kategori. Definisi/ Kategori yang pertama adalah: (i) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai/berpisah tetap & mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; Definisi/ Kategori yang kedua adalah: (ii) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat & tidak berkemampuan untuk bekerja) & mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; Definisi/ Kategori yang ketiga adalah: (iii) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf). Maka, berdasarkan kepada definisi/kategori-kategori ini, bilangan Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf) adalah sebanyak 5,380 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, pecahan golongan ini mengikut negeri adalah seperti berikut: BIL. NEGERI JUMLAH 1. Johor 1,202 2. Kedah 150 3. Kelantan 134 4. Melaka 125 5. Negeri Sembilan 168 6. Pahang 426 7. Pulau Pinang 212 8. Perak 516 9. Perlis 12 10. Selangor 739 11. Terengganu 137 12. Sabah 396 13. Sarawak 382 14. WP Kuala Lumpur 772 15. WP Labuan 4 16. WP Putrajaya 5 JUMLAH BESAR 5,380 Pecahan golongan ini berdasarkan kategori Agama pula adalah seperti berikut: BIL. NEGERI JUMLAH 1. Islam 3,115 2. Kristian 609 3. Buddha 1,203 4. Hindu 278 5. Sikhism 4 6. Tao 27 7. Konfusianism 7 8. Bahai 0 9. Puak/Suku/Folk/ Agama tradisi lain org. Cina 10 10. Tiada Agama 70 11. Lain-lain agama 16 12. Tdk. diketahui 41 JUMLAH BESAR 5,380 Manakala pecahan golongan ini mengikut kumpulan umur adalah seperti berikut: BIL. KUMPULAN UMUR JUMLAH 1. 15-19 249 2. 20-24 859 3. 25-29 1,126 4. 30-34 725 5. 35-39 413 6. 40-44 392 7. 45-49 387 8. 50-54 343 9. 55-59 304 10. 60-64 258 11. 65-69 126 12. 70-74 91 13. 75+ 107 JUMLAH BESAR 5,380 Pada ketika ini, pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat pecahan golongan ini mengikut kurungan pendapatan.

